

TEKS UCAPAN
Y.BHG. BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN
PELAJAR
SIDANG AKADEMIK 2009/2010
21 OKTOBER 2009 DI HOTEL MAJESTIC,
BATU FERINGGI, PULAU PINANG.

Bissmillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil media,

Yang Diraikan Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010
Yang Diraikan Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009

Mantan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi-sesi yang lalu serta semua Yang Dipertua Persatuan Pelajar dan Majlis Kolej Kediaman

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ALLAH S.W.T dengan limpah kurniaNYA lagi penuh keberkatan ini kita sama-sama dapat menyaksikan anak-anak didik kita di angkat menjadi seorang pemimpin. Saya berasa begitu berbangga pada malam ini kerana anak didik dihadapan saya ini bukan sahaja bijak di dalam pelajaran bahkan bakal berketrampilan menjadi seorang pemimpin di peringkat universiti.

Sesungguhnya anggaplah pemilihan anda sebagai pemimpin pelajar ini adalah cabang haluan dalam melengkapkan diri anda sebagai mahasiswa cemerlang apabila bergraduasi nanti. Sememangnya menjadi seorang pemimpin amatlah besar tanggungjawabnya dan hanya insan terpilih yang mampu menggalas tanggungjawab yang diamanatkan kepadanya dengan sebaik mungkin. Maka dengan itu andalah insan terpilih itu. Malam ini menjadi saksi bahawa UniMAP tidak ketandusan mahasiswa yang boleh menggalas tanggungjawab dalam menjamin kebijakan para mahasiswa.

Ladies and gentlemen,

I am most grateful to Allah, the most gracious and most merciful, for His blessings in giving us this opportunity to gather this evening on the occasion of **Submission Watikah Appointment Ceremony**. This dinner is to show appreciation and pay due recognition to the

Students Representative Council. It is indeed a pleasure and an honor for me to extend a warm welcome to all of you.

First, allow me to offer my heartiest congratulations to the new Students Representative Council 2009/2010. Your responsibility is not only focused on the students but also to the university. And it is my hope that this will be a platform to optimize the leadership potentials in all of you. Carry out your duties well and be extra ordinary. It is no longer enough being ordinary in this highly competitive world. We must move beyond the ordinary and strive for excellence.

As a multicultural and multiethnic nation, it is my wish that we maintain peace and harmony through acceptance, shared values and social justice. As 1Malaysia, we need to accept and celebrate our differences. We must recognize that our diversity is our greatest strength for the benefit of our nation.

Let me take this opportunity to wish you all the best and good luck for your future undertakings.

Hadirin sekalian,

Menjadi seorang mahasiswa merupakan agen perubahan masyarakat yang sangat berpengaruh, suara dan buah fikiran mereka dianggap keramat. Mereka memainkan peranan yang penting dalam membantu universiti mencapai visi dan misinya.

Sebagai ahli MPP, anda semua adalah pemimpin yang menjadi saluran penghubung di antara pihak pengurusan UniMAP dengan mahasiswa. Tanggungjawab anda amatlah berat dalam memastikan isu-isu dan perkara-perkara yang berhubung dengan kebijakan pelajar dan hal ehwal semasa disalurkan secara berkesan kepada pihak pengurusan UniMAP. Pada masa yang sama anda juga memikul kewajipan untuk memelihara imej dan nama baik Universiti Malaysia Perlis.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009 kerana telah berjaya menjalankan tugas sebagai badan perwakilan pelajar dengan baik. Ini terbukti dengan barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik yang diketuai oleh Saudara Abdul Malek Bin Abdullah dan barisan kabinetnya yang telah menunjukkan satu komitmen tugas dan tanggungjawab yang amat tinggi. Bakat kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh anda semua dalam tempoh masa ini harus diberi pujian.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Pergi yang lama datang pula yang baru dan itulah yang dapat disaksikan pada malam ini Kabinet Baru Majlis Perwakilan Pelajar yang diketuai oleh Yang Dipertua MPP Sesi 2009/2010 yang akan mengangkat sumpah mengaku taat setia kepada Pengurusan dan Statut Universiti. Setinggi ucapan syabas dan tahniah kepada saudara dan saudari yang telah dipilih secara demokratik untuk

menduduki Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010. Pemilihan anda adalah pengiktirafan terhadap bakat kepimpinan yang ada dalam diri saudara dan saudari. Justeru, kepercayaan dan mandat yang telah diberikan terhadap anda hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya sebelum mandat ini berakhir.

Sebagai ahli barisan MPP yang baru, maka hendaklah sentiasa bersedia serta mengadakan transformasi bersesuaian dengan keperluan semasa dan perubahan persekitaran; beberapa pindaan dan penambahbaikan telahpun dilakukan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) demi untuk meningkatkan bakat kepimpinan dan peranan mahasiswa diperingkat negara dan global.

Sebagai pemimpin mahasiswa, program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh MPP mestilah mempunyai matlamat universiti untuk menjadi '**Juara Perpaduan**' diantara universiti-universiti di negara ini dan pada masa yang sama serta terkini menjadikan konsep '**1 Malaysia**' satu realiti dikalangan warga kampus dan masyarakat melalui program-program tersebut.

Konsep '**1 Malaysia**' ini adalah amat tepat pada masanya. Ini adalah kerana interpretasi congankata ini, yang diperkenalkan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak, Perdana Menteri yang kita sanjungi, terlalu kerap di putar-belitkan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk menggagalkannya demi untuk kepentingan peribadi mereka.

Konsep '**1 Malaysia**' serta intipatinya adalah amat penting untuk diterapkan ke dalam sanubari kita rakyat Malaysia. Terutama sekali kaum muda, yang semakin tidak menghargai, malah mengkhianati, kewibaan dan keperihatinan orang-orang yang terdahulu daripada mereka dalam mempertahankan kesinambungan keharmonian negara Malaysia.

Hadirin sekalian,

Dalam menjalani kehidupan sehari-hari sebagai mahasiswa, tanggungjawab kepada masyarakat setempat tidak harus dilupakan. Perlunya ada program-program dan aktiviti-aktiviti yang berkualiti dan secara besar-besaran yang dapat memberi impak kepada kemajuan dari segi akademik, ekonomi dan pembangunan kepada mahasiswa dan masyarakat khususnya di negeri Perlis. Mahasiswa perlu berfikiran kritis, walaupun sudah berada di menara gading penglibatan mahasiswa dengan masyarakat setempat adalah amat penting kerana ianya melambangkan bahawa mahasiswa amat responsif dalam isu masyarakat.

Melalui program kemasyarakatan yang dijalankan, ianya adalah sebagai satu wadah kepada mahasiswa untuk berada di medan masyarakat dan secara tidak langsung menjadikan mahasiswa lebih berkeyakinan untuk bersama masyarakat terutamanya di kampung halaman masing-masing yang sememangnya memerlukan anak muda seperti mahasiswa yang berpandangan

jauh dan bermasyarakat. Dan kita tidak mahu adanya suara-suara yang mengatakan bahawa mahasiswa terutamanya di UniMAP lesu dengan isu-isu kemasyarakatan ini.

Saya menaruh harapan yang cukup tinggi agar Barisan MPP Sesi 2009/2010 bukan sekadar dapat membawa isu-isu dan masalah-masalah kebijakan pelajar tetapi sentiasalah berdamping rapat dengan mereka dan berupaya mengemukakan cadangan-cadangan yang rasional dan praktikal kepada isu dan masalah berhubung dengan kebijakan pelajar untuk diperhalusi dan dipertimbangkan oleh pengurusan UniMAP.

Jika terdapat sebarang masalah dalam menguruskan majlis perwakilan pelajar, tanya lah kepada barisan senior yang terdahulu. Pengalaman serta ilmu yang telah dilalui oleh mereka amat berharga bagi anda semua untuk menempuh perjalanan di kemudian hari.

Demikian harapan dan amanat saya buat anda sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010. Laksanakanlah tanggungjawab dan kewajipan anda dengan penuh dedikasi dan keinsafan kerana kuasa, pangkat dan kedudukan hanyalah pinjaman daripada ALLAH S.W.T.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa program dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas komitmen yang diberikan kerana telah berjaya memastikan kelancaran majlis.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.